EVOLUSI DEKAD 7

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة وستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

APRIL

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

VISI, MISI, MOTO, FALSAFAH & OBJEKTIF

VISI

Universiti unggul pemacu Bumiputera Profesional

MISI

Melonjak keilmuan, adab dan kepakaran bumiputera agar berjiwa usahawan melalui kurikulum termaju, pembangunan bakat, penyelidikan berimpak, dan sinergi industri ke arah kemakmuran tanah air serta kesejahteraan sejagat

MOTO

Usaha, Takwa, Mulia

FALSAFAH

Kita percaya Allah SWT menganugerahi manusia dengan bakat, minat dan kecenderungan yang sekiranya diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui penjanaan, pemindahan dan pengintegrasian ilmu secara terbuka serta penerapan nilai-nilai Islam, mereka berkemampuan menjuarai transformasi diri, masyarakat dan negara

OBJEKTIF

1. **Memperluas akses pendidikan tinggi**
2. **Menyediakan pendidikan terkehadapan bertaraf dunia**
3. **Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah untuk kemajuan negara dan kemakmuran global**
4. **Menggilap kepimpinan graduan holistik, serba boleh dan berciri keusahawanan yang kompetitif sehingga ke peringkat global**
5. **Memperkasa penghayatan falsafah dan nilai warga UiTM melalui program pengukuhan insan dan suri teladan**
6. **Mengungguli kesarjanaan ilmu terkehadapan melalui penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan berimpak tinggi serta lestari**
7. **Melebar luas jaringan melalui sinergi bersama alumni, industri, akademia, komuniti dan kerajaan untuk memperkasakan bidang tumpuan strategik universiti**
8. **Menjuarai kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien selari dengan agenda kelestarian global**
9. **Menyediakan infrastruktur kondusif dan ekosistem digital terkehadapan**
10. **Menjana pendapatan, mengurus sumber dan kewangan dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif bagi kelestarian organisasi**

Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-208, bertarikh 23 September 2025

(YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc)
13 November 2025 | 1447 جمادي الأول 22

Lestari Ilmu, Berjiwa Rakyat

ALUAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum .

Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu komited dalam menyediakan pelbagai medium bacaan bagi sebarang aktiviti pembudayaan ilmu buat semua pengguna. Melalui revolusi teknologi semasa, penerimaan terhadap bahan bacaan juga harus sejajar dengan minat dan kecenderungan generasi masa kini tidak hanya memfokuskan kepada bahan bacaan bercetak bahkan turut memperkembangkan dan memperluaskan penyediaan terhadap bahan bacaan secara digital.

Semoga edisi Buletin IQRA Perpustakan Cendekiawan kali ini bermanfaat buat semua.

Terima kasih.

PUAN SHAHIDATUL AKHMAM BT RAMBELI

BULETIN IQRA
Perpustakaan Cendekiawan

SIDANG REDAKSI



Penasihat : Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli


Grafik & Isi Kandungan:
- Cik Asmahani Abdullah
- En. Mohd Shahnizam Mat Zain
- Cik Nurmaisari Che Anuar
- En. Ahmad Fathi Azhari

Terbitan:
Perpustakaan Cendekiawan
UiTM Cawangan Terengganu,
23000 Dungun,
Terengganu.
No. Tel: 098400188/190

Hakcipta Terpelihara ©2026
eISSN: 2735-1920

Sebarang pertanyaan/komen/aduan boleh hubungi:
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN TERENGGANU
JALAN SURA HUJUNG
23000 DUNGUN
TERENGGANU

NO. TEL: 098400 190
EMEL: korporatpuitmct@uitm.edu.my
eISSN: 2773-6407



Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu menjadikan koleksi penerbitan Buletin Iqra sebagai sebuah penerbitan yang mengumpulkan kesemua aktiviti, buletin, dan peristiwa yang telah berlangsung sepanjang tahun demi memastikan khazanah maklumat Perpustakaan Cendekiawan ini kekal terpelihara. Penerbitan ini berfungsi sebagai bahan arkib perpustakaan yang mendokumentasikan pelbagai program ilmiah, bengkel literasi maklumat, serta pencapaian warga kampus, sekaligus menjadikannya sumber rujukan utama bagi melihat kembali jejak langkah dan perkembangan perpustakaan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, inisiatif pengumpulan ini juga mencerminkan komitmen Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT dalam menyuburkan budaya ilmu selaras dengan semangat "Iqra". Dengan adanya koleksi yang tersusun rapi ini, ia memudahkan para penyelidik, staf, dan pelajar untuk mengakses informasi lampau serta memahami evolusi perkhidmatan yang ditawarkan. Usaha ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi peranan perpustakaan bukan sekadar tempat penyimpanan buku, tetapi sebagai hab penyebaran maklumat yang dinamik dan relevan kepada seluruh komuniti UiTM Cawangan Terengganu.

Masjid Kristal

Pulau Wan Man, Kuala Terengganu

Kredit : Mahmud Ahsan



JELAJAH ILMU

Perpustakaan Bersama Unit Dalaman UiTMCTKD

20 April 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



En. Nik Ahmad Kamal memperkenalkan beberapa koleksi repositori yang terdapat Sistem PERMATA



En. Nik Ahmad Kamal Menyampaikan maklumat ringkas berkenaan sistem PERMATA kepada Puan Noor Sharrulniza Sau Hamid, Timbalan Pendaftar.



Cik Asmahani Abdullah Menyampaikan Sijil Penghargaan kepada wakil pihak HEP UITCMT

DUNGUN, 20 April 2026 – Perpustakaan Cendekiawan telah melancarkan Siri 1 Program Jelajah Ilmu bersama Unit/Bahagian UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) dengan mengunjungi Pejabat Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) hari ini. Program "turun padang" yang berlangsung selama satu jam setengah ini melibatkan 11 orang staf pentadbiran HEP dalam usaha memperkasakan budaya literasi maklumat secara lebih dekat dan efisien.

Melalui inisiatif ini, para peserta diberikan panduan mengenai perkhidmatan perpustakaan terkini, termasuk cara mengakses sistem PERMATA, membuat semakan akaun pinjaman, serta kaedah pendaftaran rekod bahan bacaan melalui aplikasi MyReading. Usaha proaktif ini membuktikan komitmen berterusan Perpustakaan Cendekiawan dalam menyokong pembangunan ilmu di peringkat jabatan dan memastikan warga universiti sentiasa mendapat maklumat yang tepat mengenai kemudahan yang disediakan.

SCAN ME

PROGRAM JOM BACA 10 MINIT

Peringkat UiTM Cawangan Terengganu

20 April 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Warga UiTMCT turut memeriahkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit



Staf Perpustakaan Cendekiawan turut meluangkan masa selama 10 minit



Pelajar yang hadir ke Perpustakaan Cendekiawan turut memeriahkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit

DUNGUN, 23 April 2026 – Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah menganjurkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit hari ini, bersempena dengan sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia.

Program tahunan ini berlangsung serentak di dua lokasi utama iaitu Perpustakaan Cendekiawan dan Pejabat Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), dengan penglibatan seramai 45 orang peserta yang terdiri daripada staf dan pelajar. Inisiatif ini bertujuan untuk menyemarakkan budaya membaca dan menjadikan buku sebagai teman setia dalam menimba ilmu pengetahuan.

Semoga usaha murni ini terus menjadi pemangkin kepada pembudayaan ilmu yang berterusan di peringkat universiti mahupun komuniti setempat.

SCAN ME

PROGRAM JOM BACA 10 MINIT

Sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia

23April 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Tuan Haji Abdul Halim bin Yusof, Pengerusi Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia (KETENGAH) Melengkapkan puzzle bagi sesi gimik majlis perasmin



Cik Asmahani Abdullah sebagai juri bersama wakil dari pihak PPAD



Si cilik yang segak dan cantik berpakaian bertemakan retro



Pelajar sekolah yang melaungkan masa untuk membaca buku kegemaran mereka



Peserta sedang membaca teks bagi Pertandingan Membaca Lancar bahasa Melayu Kategori Tahap 1.

KETENGAH JAYA, 23 April – Seramai 165 peserta komuniti sekolah membanjiri Perpustakaan Desa Ketengah Jaya bagi menjayakan Program Jom Baca Bersama 10 Minit sempena Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, pagi tadi.

Program anjuran bersama pelbagai agensi strategik seperti KETENGAH, PADD, dan Pejabat Perpaduan Daerah Dungun ini telah dirasmikan oleh Pengurus Pentadbiran KETENGAH, Tuan Haji Abdul Halim bin Yusof. Kehadiran ramai tokoh kepimpinan komuniti dan pendidikan membuktikan sokongan padu terhadap usaha memupuk budaya membaca.

SCAN ME



Peserta Pertandingan Mewarna Peringkat Pra Sekolah



Pelajar PPKI menyelesaikan aktiviti puzzle Challenge



Para ibu yang hadir turut mengambil masa selama 10 minit untuk menjayakan program

Sepanjang sesi pagi, pelbagai aktiviti literasi diadakan secara serentak termasuk:

- Pertandingan Membaca Lancar (Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris).
- Pertandingan Mewarna (Prasekolah & Tadika).
- Lima Stesen Didik Hibur khas untuk pelajar PPKI bagi mengasah kemahiran kognitif.

Acara kemuncak diserikan dengan gimik melengkapkan poster puzzle "Jom Membaca 10 Minit" sebagai simbolik kerjasama erat antara agensi dan komuniti. Program diakhiri dengan acara cabutan bertuah dan sesi bergambar.

Secara keseluruhan, program ini berjaya mencapai objektifnya dalam melahirkan komuniti yang berinformasi dan membudayakan amalan membaca.

SCAN ME

LAWATAN TAPAK PENDIGITALAN TEKNOLOGI RFID UHF

Perpustakaan UiTM

29 April 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari





Sesi perbincangan diadakan bersama En. Mohd Faizal bin Sawardi Lukman bersama wakil daripada Perpustakaan Cendekiawan dan Bahaigan Infostruktur UiTM Cawangan Terengganu

Sesi lawatan tapak bagi Projek Pendigitalan Teknologi RFID UHF telah berjaya dilaksanakan di Perpustakaan Cendekiawan, UiTMCT Kampus Dungun. Sesi ini dihadiri oleh En. Mohd Faizal bin Sawardi Lukman dari Bahagian Perpustakaan Digital (BPDI) PTAR Shah Alam, bersama wakil vendor serta kakitangan dari Bahagian Infostruktur UiTMCT dan Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTMCT. Kerjasama ini bertujuan untuk memastikan setiap aspek teknikal dan infrastruktur bangunan selaras dengan keperluan teknologi moden yang bakal diperkenalkan.

Semoga usaha ini dapat meningkatkan servis dan mutu perkhidmatan yang lebih efisien khususnya buat seluruh warga UiTMCT Kampus Dungun.

SCAN ME

PROGRAM JELAJAH ILMU

MEMBACA MEMBENTUK ADIWANGSA SIRI 2

29 April 2026

Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Puan Rohaya Razali bersama pemenang kategori Teka Berat Buku



Pelajar UiTMCT terlibat dalam Membaca Jawi



Pelajar UiTMCT mengambil bahagian dalam Quiz@Archive



Cik Lailatul Akma memberikan penerangan berkenaan sejarah UiTM Cawangan Terengganu kepada pelajar yang hadir

KUALA DUNGUN, 29 April – Perpustakaan Cendekiawan,UiTMCTKD berjaya menghimpunkan seramai 180 orang pelajar menerusi Program Jelajah Ilmu: Membaca Membentuk Adiwangsa Siri 2 yang berlangsung di Dataran Dewan Jasmin.

Program yang berjalan dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang ini dianjurkan khusus demi menyemarakkan lagi budaya membaca serta meningkatkan literasi maklumat dalam kalangan mahasiswa.Selain itu, penganjuran program ini turut memperkukuh peranan perpustakaan sebagai badan utama yang menyokong agenda pembangunan akademik dan pembentukan sahsiah pelajar selaras dengan aspiras

SCAN ME

SESI LIBAT URUS

8 April 2026

Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan

Oleh : Lailatul Akma Omar



Encik Md Kamil bin Ibrahim sedang memberikan konsultasi berkaitan kaedah pengurusan fail kepada PRJ dan PTRJ UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi



Encik Mohd Nurussabah sedang menjelaskan isu berkaitan pengurusan fail di Unit Pengurusan Fasiliti kepada En. Md Kamil bin Ibrahim

BUKIT BESI, 8 April – Unit Arkib, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian/Pusat Tanggungjawab (PTj) menerusi Lawatan dan Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan. Program tersebut telah berlangsung secara bersemuka di Bilik Mesyuarat Perdana, UiTMCT Kampus Bukit Besi dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.



Sesi ini turut merangkumi penerangan berkaitan tatacara penggunaan Online Finding Archive (OFA) kepada staf yang hadir

Sesi tersebut telah dikendalikan oleh Encik Md Kamil bin Ibrahim, Pustakawan Kanan daripada Unit Arkib, Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Dungun. Seramai 15 orang staf yang terdiri daripada Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) dan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) UiTMCT Kampus Bukit Besi telah menghadiri sesi berkenaan.

Antara pengisian yang dilaksanakan termasuk konsultasi berkaitan kaedah pengurusan fail, penyimpanan rekod, pelupusan rekod serta perkara-perkara berkaitan pengurusan rekod jabatan. Secara keseluruhannya, sesi libat urus ini dapat memberi pendedahan yang lebih jelas kepada warga kerja mengenai amalan pengurusan rekod yang teratur dan berkesan.

SCAN ME

SESI LIBAT URUS

8 April 2026

Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan

Oleh : Lailatul Akma Omar



Encik Md Kamil bin Ibrahim sedang memberikan khidmat runding berkaitan pengurusan fail kepada Puan Siti Zulaikha Binti Mamat, Pembantu Tadbir (Kewangan) Kanan



Encik Md Kamil sedang memberikan penerangan dan panduan berkaitan pelupusan rekod kepada staf Unit Bendahari UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Bukit Besi.

BUKIT BESI, 8 April – Unit Arkib, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian/Pusat Tanggungjawab (PTj) menerusi Lawatan dan Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan. Program tersebut telah berlangsung secara bersemuka di Unit Bendahari, UiTMCT Kampus Bukit Besi dari jam 12.00 tengah hari hingga 1.00 petang.

Sesi tersebut telah dikendalikan oleh Encik Md Kamil bin Ibrahim, Pustakawan Kanan daripada Unit Arkib, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun. Manakala, Unit Bendahari UiTMCT Kampus Bukit Besi diwakili oleh Encik Muhamad Muhsin bin Baharuddin, Penolong Bendahari.



Encik Md Kamil bin Ibrahim sedang memberikan penerangan berkaitan kaedah pengukuran ketebalan fail bagi tujuan pelupusan rekod kepada Puan Rohaniza Binti Abdul Wahab, Penolong Akauntan

Antara pengisian yang dilaksanakan termasuk konsultasi berkaitan kaedah pengurusan fail, penyimpanan rekod, pelupusan rekod serta perkara-perkara berkaitan pengurusan rekod jabatan. Secara keseluruhannya, sesi libat urus ini dapat meningkatkan kesedaran warga terhadap amalan pengurusan rekod yang baik, selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan.

SCAN ME

PROGRAM GOTONG- ROYONG

MENYUSUN BUKU- BUKU KE KOLEKSI RAK TERBUKA

1 April 2026

Oleh : Norairin Natasya Zukifli



Encik Mohd Hilmi memindahkan buku- buku ke rak yang sebetulnya



Staf Unit Pentadbiran juga menyokong dan memberi kerjasama sepanjang program ini berlangsung



Staf memindahkan rak borang ke dalm kaunter

BUKIT BESI, 1 Apr – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Bukit Besi telah mengadakan Program Gotong-Royong bagi menyusun semula buku-buku di rak terbuka selepas kerja-kerja membaik pulih lantai perpustakaan siap dilakukan.

Program ini melibatkan kerjasama semua warga perpustakaan dalam memastikan bahan rujukan disusun dengan lebih sistematik, kemas dan mudah diakses oleh pengguna. Aktiviti ini juga dapat meningkatkan kecekapan pengurusan koleksi serta mewujudkan suasana perpustakaan yang lebih kondusif.

Pihak perpustakaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sokongan serta kerjasama semua staf dan juga pelajar latihan industri dalam gotong-royong ini.

SCAN ME

PROGRAM JOM BACA 10 MINIT

PERINGKAT UITMCT KAMPUS BUKIT

23 April 2026

Oleh : Norairin Natasya Zulkifli



Encik Mohd Shahnizam menyampaikan Poster Jom Baca Bersama sebagai pelancaran majlis tersebut kepada Encik Shahrul Nizam Salleh, Penolong Rektor



Staf Unit Hal Ehwal Pelajar, Puan Nabilah dan Puan Rafidah turut tidak ketinggalan mengikuti program ini.

BUKIT BESI, 23 Apr – Unit Perpustakaan Cendekiawan telah menganjurkan Program "Jom Baca Bersama 10 Minit" bertempat di semua ptj masing- masing. Program ini merupakan inisiatif tahunan yang telah diadakan pada 23 April 2026 bagi menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat khususnya warga kampus. Program ini dilaksanakan serentak di seluruh negara dengan menggalakkan semua individu meluangkan masa selama 10 minit untuk membaca.



Staf Unit Pentadbiran juga menyokong dan memberi kerjasama sepanjang program ini berlangsung

Pihak perpustakaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sokongan serta kerjasama semua warga kampus yang telah bersama-sama menjayakan program ini. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan dalam membentuk masyarakat yang berilmu dan cinta akan budaya membaca.

SCAN ME

LAWATAN KERJA

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PEMBANGUNAN), UITM

23 April 2026

Oleh : Norairin Natasya Zulkifli



Timbalan Naib Canselor juga melawat bangunan belakang perpustakaan.



Encik Mohd Shahnizam menerangkan masalah yang dihadapi di bangunan Perpustakaan ini.



Semua yang meninjau sekitar hadapan perpustakaan.

BUKIT BESI, 23 Apr – Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Bukit Besi telah menerima lawatan kerja rasmi daripada YBrs. Prof. Ts. Sr. Dr. Md Yusof Hamid, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Universiti Teknologi MARA. Lawatan beliau ini turut diiringi oleh Penolong Rektor, Timbalan Jurutera dan Penyelaras Risiko.

Lawatan ini bertujuan untuk meninjau keadaan dan bangunan semasa yang telah berusia lebih 10 tahun di Kampus Bukit Besi termasuk Bangunan Khazanah bagi memastikan tiada masalah kritikal berlaku. Selain memastikan fasiliti kampus berada dalam keadaan baik, lawatan ini juga adalah salah satu cara mengenalpasti tindakan yang perlu diambil dan seterusnya menyalurkan peruntukan mengikut keutamaan.

SCAN ME

LAWATAN PASUKAN PAKAR

JAWATANKUASA TASKFORCE TEKNIKAL PEMBANGUNAN DAN FASILITI UiTM KE UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS BUKIT BESI

30 April 2026

Oleh : Norairin Natasya Zulkifli



Pasukan ini meninjau sekitar hadapan bangunan perpustakaan



SPerbincangan berlaku antara pasukan pakar daripada Jawatakuasa Taskforce Teknikal

BUKIT BESI, 30 Apr – Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi telah menerima lawatan pasukan pakar daripada Jawatankuasa Taskforce Teknikal Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti UiTM susulan Mesyuarat Teknikal pada 6 April 2026 mengenai laporan kejadian kehadiran air dari dalam tanah di bangunan Khazanah UiTMCT Kampus Bukit Besi.



Kwujudan air dari bawah tanah di hadapan bangunan perpustakaan

Sepanjang lawatan, pasukan taskforce yang terdiri daripada profesor dan pakar pelbagai bidang turut menjalankan pemeriksaan tapak, pembentangan teknikal serta perbincangan bersama pihak kampus bagi mengenal pasti punca isu dan mencadangkan penyelesaian terbaik di bangunan Khazanah.

SCAN ME

PEMBENTANGAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

8 April 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar

KUALA TERENGGANU, 8 April – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan mengadakan sesi pembentangan oleh Suriani binti Mohd Hizmi, pelajar latihan industri, Diploma E-Kesetiausahaan, UNITAR Kuala Terengganu bermula 11.00 pagi sehingga 1.00 petang di Perpustakaan Cendekiawan UiTMCTKKT.





Pelajar latihan indutsri bersama Staf perpustakaan dan pembentangan tugasan

Sesi pembentangan telah disampaikan oleh pelajar tersebut sepanjang latihan industri bermula 11 Januari 2026 sehingga 9 April 2026. Sesi pembentangan telah disampaikan oleh pelajar berkenaan tugasan dan projek yang dilaksanakan sepanjang tempoh latihan industri di perpustakaan. Terdapat beberapa tugasan yang dilaksanakan antaranya kemaskini maklumat buku dan pengemaskinian fail. Selain itu, pelajar turut dilantik sebagai moderator bagi program perpustakaan. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh dapat dimanfaatkan sebaiknya pada masa akan datang.





Pelajar latihan industri membentangkan tugasan

PROGRAM JOM BACA 10 MINIT
PERINGKAT UiTMCT

23 April 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar



Para pelajar yang menyokong Program Jom Baca bersama 10 minit

KUALA TERENGGANU, 23 April – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Program Jom Baca Bersama 10 Minit bermula 10.00 pagi sehingga 12.30 tengah hari di Perpustakaan Cendekiawan UiTMCTKKT dan Surau Destini Ar Raudhah. Program ini merupakan inisiatif tahunan yang diadakan setiap 23 April bersempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. Program ini bertujuan untuk menyemai dan memperkukuh budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. "Membaca Membina Bangsa" merupakan tema bagi tahun 2026. Dimana usaha untuk memupuk budaya ilmu dan memperkasa minda ke arah pembentukan masyarakat berpengetahuan.



Para staf dan pelajar yang menyertai dan menyokong program

SIRI 1:
PROGRAM JELAJAH ILMU @ DEWAN LESTARI

23 April 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar

KUALA TERENGGANU, 23 April – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Siri 1: Program Jelajah Ilmu @ Dewan Lestari sempena Program Hari Kesihatan Pergigian@UiTMCTKKT 2026. Program bermula 9.00 pagi sehingga 1.00 petang di Dewan Lestari.

Program ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada pengguna mengenai perkhidmatan Perpustakaan terkini antaranya akses sistem PERMATA, semakan akaun pengguna, serta hebahan mengenai 1 warga 24 naskhah yang didaftarkan di sistem MyReading.



Para pelajar yang menyokong Jelajah Ilmu di Dewan Lestari



Para staf dan pelajar yang menyertai dan menyokong program



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI